

UPPsiKS Anjur DAT, Beri Kesedaran Terhadap Halangan Persekitaran Golongan OKU

Terakhir dikemaskini: Rabu, 20 November 2019 16:25 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 24

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



RABU, 20

NOVEMBER - Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial (UPPsiKS) telah menganjurkan “Disability Awareness Training (DAT)” yang diadakan di Bilik Mesyuarat Wan Rafeai, Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) baru-baru ini.

Menurut Ketua UPPsiKS, Prof. Madya Dr. Muhammad Idris Bullare @ Bahari, program latihan itu antara lain bertujuan untuk menunjukkan kesedaran kepada masyarakat tentang halangan-halangan persekitaran dan sikap yang dialami oleh orang kelainan upaya (OKU) sepanjang mereka berada di institusi atau di mana-mana sahaja serta cara-cara yang boleh dikenal pasti bagi mengatasi halangan-halangan tersebut.

“Latihan seperti ini sangat penting kerana dapat memberikan peluang kepada masyarakat untuk mengenali OKU dengan lebih mendalam melalui komunikasi yang inklusif dan bukan bersifat eksklusif.

“Latihan sebegini juga memberikan pengetahuan dan pemahaman yang mendalam tentang konsep ketidakupayaan kepada masyarakat umum agar mereka tidak menghakimi golongan OKU tanpa sebab,” katanya.

Tambah Dr. Muhammad Idris, program ini juga memberi peluang kepada golongan OKU dan bukan OKU untuk mengetahui tentang perundangan yang menyokong OKU sekiranya hak mereka dicabuli oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Program sehari itu disampaikan oleh konsultan Syarikat Inspirize Consulting PLT, Fariz Hj Abd Rani yang juga merupakan pengerusi kepada Persatuan Berkerusi Roda Kota Kinabalu, dan dihadiri oleh pensyarah dari beberapa

buah fakulti di UMS, pelajar pascasiswazah dan prasiswazah di UMS.